

Projek ECRL disasar sifar pembaziran masa

[Alzahrin Alias](#) - Mac 19, 2021 @ 2:24pm



Pengarah Urusan CCC-ECRL, Bai Yinzhan (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Datuk Seri Darwis Abdul Razak (tengah) dibawa oleh Pengarah HSE Seksyen 6, Datuk Osman Haron untuk melawati Pusat Latihan Keselamatan di Maran, Pahang - Foto ihsan MRL

KUALA LUMPUR: Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) melancarkan Kempen Keselamatan 2021 untuk mencapai sasaran sifar insiden pembaziran masa (LTI) bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Kempen itu dilaksanakan MRL selaku pemilik projek dan aset ECRL bersama China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCC-ECRL) yang bertindak sebagai kontraktor kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC).

Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Datuk Seri Darwis Abdul Razak, berkata usaha berterusan pemilik projek, kontraktor utama dan sub kontraktor projek ECRL adalah penting bagi memastikan keselamatan di tempat kerja.

Beliau berkata, penekanan penerapan nilai positif budaya keselamatan akan menjadi faktor utama bagi mencapai objektif sifar LTI.

"MRL dan CCC-ECRL memupuk piawaian dan prosedur keselamatan yang tinggi dalam kalangan pekerja kerana kesihatan dan keselamatan di tempat kerja sentiasa menjadi keutamaan projek ECRL.

"Kumpulan juga merangka strategi untuk mengenalpasti risiko kemalangan dan bahaya daripada berlaku di tapak projek. Kami ingin persekitaran yang selamat di kawasan pembinaan jajaran ECRL dari Kota Bharu ke Port Klang," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Pengarah Urusan CCC-ECRL, Bai Yinzhan pula berkata, keselamatan sentiasa menjadi keutamaan projek infrastruktur mega negara itu.

Beliau berkata, kempen keselamatan itu memberi perhatian kepada kepentingan standard kesihatan dan keselamatan dalam semua kerja projek ECRL.

Ini, katanya, bagi memastikan kemajuan yang stabil tanpa kelewatan dari kemalangan di tapak projek.

"CCC-ECRL juga berhasrat untuk menetapkan standard rujukan mengenai pembinaan dan keselamatan landasan kereta api di Malaysia.

"Bagi merealisasikan perkara itu, syarikat kini dalam proses peningkatan sistem pengurusan keselamatan yang meliputi latihan untuk lebih 1,000 kakitangan melalui simulasi dan latihan keselamatan reaktif di Pusat Latihan Keselamatan.

"Pusat latihan itu dilengkapi dengan simulasi realiti maya (VR) canggih dengan lebih 100 situasi potensi bahaya," katanya.

Sehingga Februari 2021, projek ECRL sudah merekodkan kadar penyiapan sebanyak 20.83 peratus.

Kadar siap itu juga lebih awal daripada sasaran jadual asal dengan bantuan kerja pembinaan yang pantas dan selamat di 94 lokasi utama di Seksyen B (Dungun-Mentakab).